

25/07/2001

Penukaran kad pengenalan dibuat secara berperingkat

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penukaran kad pengenalan bagi semua warga negara kepada kad pintar pelbagai guna kerajaan (GMPC) akan dilakukan secara berperingkat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan belum dapat memberi tempoh tertentu bagi rakyat menukar kad pengenalan canggih itu yang mengandungi mikrochip bagi membolehkan ia digunakan untuk pelbagai fungsi.

"Kita akan berbuat demikian secara berperingkat. Kita tidak boleh melakukannya semua sekali kerana kita terpaksa membeli peralatan perlu. Pada masa ini, mereka yang ingin menukar kad pengenalan kepada kad pintar cuma perlu bayar RM20, murah saja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan kad pintar Proton World International (PWI) kepada Iris Technology Malaysia (Iris) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil di sini.

Iris adalah syarikat yang mengeluarkan mikrochip bagi passport pintar. GMPC pula setakat ini boleh menyatukan kad pengenalan dan lesen memandu.

Aplikasi kad pintar pada masa ini merangkumi kad pengenalan, passport, lesen memandu dan e-tunai. April lalu, Malaysia menjadi negara pertama di dunia melancarkan GMPC, dengan memasukkan empat aplikasi itu untuk peringkat pertama.

Dr Mahathir berkata, sektor perbankan kini sudah bersedia untuk mengurus niaga menggunakan kad pintar.

Katanya, kad pintar kini boleh digunakan untuk kad prabayar touch n go selain urusan dengan Jabatan Imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Beliau berkata, kad pintar sekarang yang memuatkan sembilan aplikasi, boleh ditambah pada masa depan.

"Kita boleh tambah aplikasinya. Jadi, ianya berterusan... kita tak perlu membawa kad lain atau wang sekalipun," katanya.

Dr Mahathir berkata, jabatan dan agensi kerajaan perlu dilengkapi peralatan tertentu sebagai persediaan melaksanakan sistem kad pintar.

Mengenai ciri keselamatan untuk kad pintar, beliau berkata pihak pengusaha iaitu PWI menyedari hakikat itu dan menyatakan sistem yang dilakukannya adalah ketat.

"Berdasarkan sistem mereka, anda boleh akses (melalui kad pintar) apa yang relevan kepada anda saja, bukan kepada orang lain. Anda tidak boleh mengeluarkan wang orang lain kerana (dalam kad) bukan saja nombor pin, malah cap jari," katanya.

(END)